



# MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan  
Pej : 05-6898800 / 05-6898891 Fax : 05-6882102  
E-mail : ydp@mpm.gov.my Web : www.mpm.gov.my

Ruj. Tuan  
Ruj. Kami  
Tarikh

Bil. 48  
dlm.MPM/OSC/3.0  
30 Mac 2017  
02 Rejab 1438

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

### WAKIL YANG LAYAK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN DI KAUNTER OSC

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 5/2017 bertarikh 9 Mac 2017 telah membincangkan penerimaan permohonan di Kaunter OSC yang terdiri daripada pemilik projek dan juga *runner* yang berurusan di kaunter. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya ketidakfahaman dari segi ulasan teknikal dari Jabatan yang berkaitan oleh mereka yang bukan dari kalangan teknikal.

3. Sehubungan dengan itu, mesyuarat telah bersetuju hanya PSP / SP sahaja yang dibenarkan berurusan di Kaunter OSC, Kaunter Jabatan Bangunan dan Kaunter Jabatan Perancang Bandar. *Runner* atau pemilik projek tidak dibenarkan untuk berurusan di kaunter tersebut tanpa kehadiran daripada PSP / SP atau wakil yang berkelayakan. PSP / SP hendaklah melantik wakil orang yang berkelayakan dan mempunyai latar belakang pendidikan teknikal untuk mengemukakan permohonan sekitanya PSP / SP tidak dapat berurusan di Kaunter OSC.

4. Keputusan ini juga selaras dengan arahan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) surat rujukan no. JKT.T.800-3/1Klt.20(52) bertarikh 7 Julai 2011 yang melarang pihak *runner* melakukan perundingan teknikal. Perunding hendaklah menamakan agen-agennya yang dibenarkan berurusan dengan PBT semasa mengemukakan Borang A kepada PBT. Agen yang dimaksudkan hendaklah dari kalangan yang terlibat secara langsung termasuk mengetahui secara mendalam selok-belok mengenai cadangan projek yang dikemukakan.

5. Arahan ini berkuatkuasa serta-merta dan diharapkan pihak tuan dapat memberi kerjasama dalam perkara ini bagi melancarkan urusan di kaunter.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

‘MAJU, PROGRESIF, MAKMUR’

Saya yang menjalankan tugas,

(MOHAMAD FARIZ BIN MOHAMAD HANID, PMP., AMP.)  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Manjung.

“LESTARIKAN INOVASI, LUHKURKAN INTERGRITI”

Manjungku Makmur, Bandar Pelancongan & Maritim



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO : AR 5205



CERT. NO. :  
AC 1654